



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN INSENTIF PhD (SGPhD) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)
Kompleks Penyelidikan, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-320 000 samb. 6138010 | Faks: 088-320 127

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	3
	1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD	3
	1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan UMS	3
	1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan UMS	3
	1.4 Bidang Penyelidikan	3
2.0	PERMOHONAN	3
	2.1 Kelayakan Permohonan	3
	2.2 Prosedur Permohonan	4
	2.3 Kriteria Penilaian	4
	2.4 Peraturan Kewangan	4
	2.5 Hasil Penyelidikan	5
3.0	PENILAIAN	6
	3.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD	6
4.0	PEMANTAUAN	6
	4.1 Implementasi Projek	6
	4.2 Laporan Kemajuan	6
	4.3 Laporan Akhir	6
5.0	LAIN-LAIN	7
	5.1 Pengesahan oleh Dekan/Pengarah	7
	5.2 Penamatan Projek	7
	CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN INSENTIF PhD	8

1.0 PENGENALAN

1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD

Sebagai sebuah universiti yang beraspirasi untuk menjadi universiti penyelidikan, UMS perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini, sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD dapat menggalakkan penyelidikan asas dan gunaan untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan UMS

Skim ini merupakan geran penyelidikan permulaan bersifat jangka pendek yang dibiayai oleh dana daripada sumber dalaman UMS. Skim diberikan sebagai galakan kepada Pensyarah UMS yang berjaya menamatkan pengajian peringkat PhD mengikut tempoh ditetapkan (tertakluk kepada surat tawaran Universiti dimana Pemohon belajar) serta tidak memohon pelanjutan pengajian.

1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan UMS

Skim ini bertujuan untuk menggalakkan penjanaan teori, konsep dan idea awal yang dapat menjadi landasan atau pemangkin kepada penemuan baru dan penciptaan yang inovatif yang mampu mengembangkan sempadan ilmu.

1.4 Bidang Penyelidikan

Pembentangan skim ini meliputi bidang-bidang asas dan gunaan yang dapat menyokong pembangunan nic penyelidikan universiti dan nic penyelidikan institut atau fakulti selaras dengan bidang keutamaan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan keperluan Negeri Sabah.

2.0 PERMOHONAN

2.1 Kelayakan Permohonan

- 2.1.1 Skim ini bertujuan untuk membudayakan aktiviti penyelidikan di kalangan pensyarah atau penyelidik yang baru menyelesaikan pengajian peringkat Doktor Falsafah.

- 2.1.2 Skim ini khusus dibuka kepada pensyarah UMS yang baru balik daripada melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam tempoh yang ditetapkan/tanpa sebarang pelanjutan (GOT).
- 2.1.3 Skim ini hendaklah dipohon dalam tempoh setahun selepas balik daripada pengajian PhD.
- 2.1.4 Siling geran SGPhD bagi bidang Sains adalah sebanyak RM20,000 dan Bidang Sastera sebanyak RM10,000.00. Jangkamasa projek adalah 1-2 tahun sahaja.

2.2 Prosedur Permohonan

- 2.2.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD perlu dikemukakan secara atas talian (Sistem SMPP).
- 2.2.2 Semua permohonan hendaklah diperakukan oleh FPIU masing-masing dan dihantar kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Seksyen Pengajian Lanjutan, Unit Pengajian Lanjutan (Akademik), Jabatan Pendaftar.
- 2.2.3 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

2.3 Kriteria Penilaian

- 2.3.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ proses baru; dan
- 2.3.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 2.3.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 2.3.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

2.4 Peraturan Kewangan

Peruntukan yang diluluskan (terpakai untuk Vot 21000,24000,27000,29000) perlu digunakan mengikut syarat-syarat berikut:-

- 2.4.1 Peruntukan hanya boleh digunakan untuk pembelian bahan pakai habis (alat tulis, kertas, dakwat printer, bahan kimia), sewaan dan perjalanan

domestik yang berkait langsung dengan projek dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

- 2.4.2 Penggunaan lain seperti pembelian peralatan adalah dibenarkan.
- 2.4.3 20% daripada vot 21000 adalah dibenarkan bagi tujuan menghadiri persidangan.
- 2.4.4 Maksimum satu (1) persidangan yang menghasilkan prosiding berindeks.
- 2.4.5 Dibawah skim ini pelantikan Pembantu Penyelidik (RA) tidak dibenarkan.
- 2.4.6 Prosedur pembelian serta penggunaan wang penyelidikan harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunakan di UMS.

2.5 Hasil Penyelidikan

- 2.5.1 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya:

i. Bidang Sains

satu (1) penerbitan dalam jurnal terindeks atau penerbitan *quartile Q1 - Q4*

ii. Bidang Sains Sosial

satu (1) penerbitan jurnal berindeks.

Penghargaan kepada geran UMS hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

- 2.5.2 Hak Harta Intelek

- i. Hasil karya dan inovasi yang mempunyai potensi dan perlu dilindungi hendaklah didaftarkan sebagai harta intelek.
- iii. Semua pendaftaran harta intelek hendaklah dibuat melalui PPPI dan menjadi hak milik UMS.

3.0 PENILAIAN

3.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD

- 3.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan UMS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 3.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukur permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan UMS yang dipengerusikan oleh TNC (P&I) untuk diluluskan.
- 3.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan UMS yang berkaitan.

4.0 PEMANTAUAN

4.1 Implementasi Projek

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Insentif PhD akan dipantau oleh PPI dari aspek:- (i) Prestasi projek; dan (ii) Prestasi kewangan.

4.2 Laporan Kemajuan

Penyelidik dikehendaki menghantar laporan kemajuan penyelidikan mereka setiap 6 bulan secara atas talian melalui system SMPPI. Kegagalan untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan projek penyelidikan tersebut disekat sehingga laporan kemajuan dihantar ke PPI.

4.3 Laporan Akhir

Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek tamat secara atas talian melalui system SMPPI dengan memuatnaik semua penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan.

5.0 LAIN-LAIN

5.1 Pengesahan oleh Dekan/ Pengarah

Pengesahan bagi aktiviti dalam menjalankan penyelidikan (kerja lapangan) termasuk proses kewangan projek mestilah melalui Dekan/Pengarah atau Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (P&I) SPIU semasa ketiadaan Ketua Jabatan masing-masing. Perkara ini terpakai kepada pensyarah yang memegang jawatan pengurusan di jabatan lain.

5.2 Penamatan Projek

Sebarang permohonan untuk menamatkan projek hendaklah di pohon secara surat rasmi melalui Dekan/Pengarah atau Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah FPI masing-masing.

Garis Panduan ini diluluskan oleh PBPU pada Mesyuarat PBPU Bil. 6/2019 kali ke-231 bertarikh 11 Disember 2019

CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN INSENTIF PhD

